WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

2 Ogos 2011
*2 August 2011*
P.U. (A) 257

# KAEDAH-KAEDAH TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH (FI) (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2011

# *SYARIAH COURT CIVIL PROCEDURE (FEES) (FEDERAL TERRITORIES) RULES 2011*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1998

KAEDAH-KAEDAH TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(FI) (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 247(1)*(b)* Akta Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [*Akta 585*], Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Fi) (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2011**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyiarannya dalam *Warta.*

**Fi Mahkamah**

2. (1) Fi yang ditentukan dalam Jadual hendaklah dibayar bagi semua urusan yang ditetapkan dalamnya.

(2) Subkaedah (1) tidak terpakai bagi kes yang dikendalikan oleh Jabatan Bantuan Guaman atau panel peguamnya.



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

JADUAL

FI MAHKAMAH

| *Bil.* | *Butiran* | *Fi Mahkamah Rendah Syariah (RM)* | *Fi Mahkamah Tinggi Syariah (RM)* | *Fi Mahkamah Rayuan Syariah (RM)* | *Catatan* |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Saman, dsb.** | | | | |
| 1. | Apabila memeteraikan saman untuk memulakan tindakan atau memfailkan tuntutan balas, jika – | | | | |
| | *(a)* tuntutan tidak melebihi RM50,000.00; | 25.00 | | | |
| | *(b)* tuntutan melebihi RM50,000.00 | | 50.00 | | |
| 2. | Apabila memeteraikan permohonan untuk memulakan tindakan | 20.00 | 40.00 | | |
| 3. | Apabila memeteraikan saman serentak atau saman diperbaharui atau permohonan serentak atau permohonan diperbaharui | 5.00 | 10.00 | | |
| 4. | Apabila memeteraikan saman yang dipinda atau permohonan yang dipinda | 5.00 | 10.00 | | |
| 5. | Apabila menandakan pembaharuan apa-apa saman, permohonan atau pliding yang dipinda | 5.00 | 10.00 | | |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| *Bil.* | *Butiran* | *Fi Mahkamah Rendah Syariah (RM)* | *Fi Mahkamah Tinggi Syariah (RM)* | *Fi Mahkamah Rayuan Syariah (RM)* | *Catatan* |
|---|---|---|---|---|---|
| 6. | Apabila memfailkan notis kehadiran/*wakalah* bagi setiap orang | 5.00 | 10.00 | | |
| 7. | Apabila memeteraikan notis permohonan interlokutori | 10.00 | 20.00 | | |
| 8. | Apabila memohon penyampaian proses atau notisnya di luar bidang kuasa | 20.00 | 20.00 | | |
| | **Perintah, dsb.** | | | | |
| 9. | Apabila memeteraikan sepina bagi setiap saksi | 4.00 | 4.00 | | |
| 10. | Apabila memeteraikan sepina yang dikeluarkan kurang daripada 3 hari sebelum perbicaraan sesuatu tindakan bagi setiap saksi | 10.00 | 10.00 | | |
| 11. | Apabila memeteraikan tiap-tiap perintah pelaksanaan, pengkomitan, penangkapan, notis *hiwalah* atau penahanan harta | 10.00 | 20.00 | | |
| 12. | Apabila mencatatkan atau memeteraikan apa-apa perintah yang dibuat dalam Kamar | 10.00 | 20.00 | | |
| 13. | Apabila mencatatkan atau memeteraikan penghakiman atau perintah yang diberikan, diarahkan atau dibuat dalam perbicaraan, pendengaran | 25.00 | 50.00 | 50.00 | |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| *Bil.* | *Butiran* | *Fi Mahkamah Rendah Syariah (RM)* | *Fi Mahkamah Tinggi Syariah (RM)* | *Fi Mahkamah Rayuan Syariah (RM)* | *Catatan* |
|---|---|---|---|---|---|
| | atau pertimbangan lanjut sesuatu kausa atau perkara dalam Mahkamah | | | | |
| 14. | Apabila mencatatkan atau memeteraikan apa-apa penghakiman atau perintah lain jika tiada fi lain diperuntukkan dengan khusus | 10.00 | 20.00 | 20.00 | |
| | **Rayuan** | | | | |
| 15. | Apabila memeteraikan notis rayuan daripada Pendaftar kepada Hakim dalam Kamar | 10.00 | 10.00 | | |
| 16. | Apabila memfailkan notis rayuan atau notis rayuan balas kepada Mahkamah Tinggi Syariah | 50.00 | | | |
| 17. | Apabila memfailkan permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk melanjutkan masa untuk merayu dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah | | 20.00 | | |
| 18. | Apabila memfailkan permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk merayu dan/atau kebenaran untuk melanjutkan masa untuk merayu dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah | | | 50.00 | |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia